

Headline	<b>Jawatankuasa khas atasi isu tidur kaki lima</b>
Date	<b>12 Aug 2010</b>
MediaTitle	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Sentral</b>
Journalist	<b>N/A</b>
Frequency	<b>Daily</b>
Circ / Read	<b>192,982 / 1,521,000</b>

Language	<b>Malay</b>
Page No	<b>2</b>
Article Size	<b>219 cm<sup>2</sup></b>
Color	<b>Full Color</b>
ADValue	<b>9,648</b>
PRValue	<b>28,945</b>



# Jawatankuasa khas atasi isu tidur kaki lima

Masalah baru 'diketengahkan', kementerian kumpul data golongan sasaran

Sarah Sulaiman dan

Syed Mohd Ridzuwan

**K**UALA LUMPUR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menubuhkan jawatankuasa khas bagi menangani golongan gelandangan dalam usaha membanteras masalah individu berpeleseran di negara ini melalui pendekatan terbaik.

Jawatankuasa itu diwujudkan Mac lalu dan dipengerusikan Ketua Setiausaha kementerian terbabit.

Pengarah Bahagian Warga Tua dan Keluarga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Mohd Fazari Mohd Salleh, berkata gelandangan dibahagikan kepada enam kategori iaitu merujuk kepada golongan miskin tanpa rumah atau kerja, ada kerja tidak tetap dan tidak mampu memiliki rumah, pengemis atau individu berpeleseran, pesakit mental, penagih dan penghidap HIV.

Beliau berkata, masalah itu baru 'diketengahkan' di negara ini dan kementerian melalui JKM serta jawatan-

kuasa khas terbabit sedang mengumpul data berhubung golongan sasaran.

"Melalui maklumat badan bukan kerajaan (NGO) yang membantu golongan itu termasuk yang memberikan makanan secara percuma, ada kira-kira 1,000 gelandangan di sekitar ibu negara tetapi data terperinci masih dikumpulkan."

"Maklumat berkaitan perkara ini masih dikumpulkan beberapa agensi termasuk JKM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Belia dan Sukan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), enam NGO

dan sebuah syarikat pembekal makanan segera," katanya di sini, semalam.

Mohd Fazari berkata, KPWKM juga dalam rangka menubuhkan sebuah pusat sehenti intervensi sebagai mekanisme bagi menangani masalah berkenaan.

"Setakat ini, tiada akta khusus atau kaedah untuk

menyelesaikan masalah ini. Maklumat awal mendapati gelandangan dan pengemis adalah dua masalah berbeza.

Gelandangan tidak bermotivasi untuk bekerja, baru sampai dari kampung, tidak berumah atau tidak pulang ke rumah atas sebab tertentu, bekas banduan serta penagih," katanya.

Katanya, buat permulaan tumpuan bagi menangani masalah itu adalah di ibu negara dan akan diperluaskan ke negeri lain jika pusat sehenti intervensi yang bakal ditubuhkan didapati berkesan.

**“KPWKM juga dalam rangka menubuhkan sebuah pusat sehenti intervensi bagi menangani masalah berkenaan”**

**Mohd Fazari  
Mohd Salleh**

Pengarah Bahagian Warga Tua dan Keluarga JKM

